

Rencana-Rencana/Articles

Mengindeks Warta Kerajaan (Sebagaimana yang diamalkan oleh Perpustakaan Undang-undang)

oleh
Nooraini Ismail*

Abstract: *Legislative publications, both at the federal and at state levels are very heavily utilised at the Law Library. Since these materials are not well-documented, the Law Library has pursued its own indexing programme since its establishment in 1975. To date, the Library has card indexes of all Malaysian acts, enactments, bills and subsidiary legislation. As part of the current-awareness service to users, the Law Library publishes a monthly listing of Malaysia and Singapore laws known as 'Senarai Undang-Undang Malaysia dan Singapura'.*

Warta-warta Kerajaan merupakan salah satu bahan koleksi yang penting di Perpustakaan Undang-undang. Secara ringkasnya, Warta Kerajaan ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:-

1. Akta Persekutuan serta Enakmen Negeri.
2. Rang Undang-undang Persekutuan dan Negeri.
3. Perundangan Kecil Persekutuan dan Negeri.

Untuk memudahkan pengguna-pengguna Perpustakaan Undang-undang mengesan akta-akta dan perundangan yang ada di dalam koleksi kami, pihak


Perpustakaan Undang-undang telah mengindeks Warta Kerajaan tersebut.

Usaha mengindeks bahan-bahan ini dimulakan sejak tahun 1975, iaitu semenjak tertubuhnya Bahagian Undang-undang di Perpustakaan Besar di dalam tahun itu. Pihak Perpustakaan Undang-undang telah merangka satu bentuk kad indeks di mana butir-butir penting perundangan dicatatkan di atas kad-kad untuk rujukan. Format-format yang telah diamalkan dibincang seterusnya.

BENTUK KAD INDEKS

1 (a) Akta Persekutuan

Contoh 1



* Pegawai Perpustakaan, Perpustakaan Undang-undang.

Akta Persekutuan diindeks dengan mencatatkan nombor akta, dan tahun akta dikeluarkan, di bahagian atas penjurukan kanan. (Sila lihat Contoh 1) Kemudian diikuti oleh tajuk akta dan tahunnya. Di bawahnya, dicatatkan tarikh akta mula berkuatkuasa dengan menggunakan kependekan 'with effect from = w.e.f.' Sekiranya satu-satu akta itu telah dipinda, maka nombor-nombor akta atau perundangan yang meminda dicatatkan di bahagian bawah, penjurukan kanan (seperti di dalam Contoh 1)

Apabila Akta Penyemakan Undang-undang, Akta 1 tahun 1968 mula berkuatkuasa, amalan memulakan siri nombor baru bagi undang-undang yang dikeluarkan tiap-tiap tahun telah diberhentikan. Sebaliknya satu siri nombor yang bersambungan digunakan dan tidak lagi dicatatkan tahun pada siri nombor akta itu. (Sila lihat Contoh 2)

Di dalam Contoh 2, di samping perbezaan dalam siri nombor akta, Warta Kerajaan yang menyiarkan tarikh kuatkuasa juga dicatatkan. Ini adalah kerana tarikh kuatkuasa telah disiarkan dalam Warta Kerajaan yang terkemudian dari siaran akta itu.

Akta Pindaan

Akta-akta pindaan biasanya diterbitkan dalam

dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, walaupun kebanyakan Akta-Akta Induk belum diterjemahkan. Dalam keadaan ini, bentuk kad indeks Akta Pindaan berbeza sedikit dari Akta Induk (Sila lihat Contoh 3)


Di sini, tajuk akta dalam Bahasa Malaysia didahulukan dan diikuti oleh tajuk akta dalam Bahasa Inggeris. Siri nombor akta juga diiringi oleh huruf 'A' yang sememangnya telah sedia ada di dalam warta, menunjukkan bahawa akta tersebut adalah Akta Pindaan.

1 (b) Enakmen


Akta-akta di peringkat negeri dipanggil Enakmen. Bentuk kad indeks bagi Enakmen Negeri (Kedah misalnya) adalah seperti di dalam contoh 4.

Di peringkat negeri, siri nombor Enakmen Negeri dimulai dengan nombor baru pada tiap-tiap tahun. Di bahagian atas penjurukan kanan, nama negeri, siri nombor serta tahun dicatatkan. Tajuk Enakmen dalam Bahasa Malaysia didahulukan dan diikuti oleh tajuk dalam Bahasa Inggeris. Pindaan bahagian-bahagian jika ada, juga dicatatkan (Lihat Contoh 4).


Contoh 2




Contoh 3




Contoh 4



Contoh 5



Contoh 6



2. Rang Undang-undang

Perbezaan mengindeks Rang Undang-undang Persekutuan dan Rang Undang-undang Negeri cuma sedikit sahaja. Bagi Rang Undang-undang Negeri, nama negeri dicatatkan di antara perkataan Rang

Undang-undang dan tarikh siaran. (Lihat Contoh 5) sementara bagi Rang Undang-undang Persekutuan, ruangan tersebut dibiarkan kosong. (Lihat Contoh 6)

3. (a) Perundangan Kecil Persekutuan

Perundangan kecil di peringkat Persekutuan terbahagi kepada dua iaitu Perundangan A dan Perun-

dangan B. Usaha mengindeks perundangan kecil meliputi semua Perundangan A dan hanya sebahagian kecil Perundangan B. Pemilihan dalam usaha mengindeks Perundangan B adalah berdasarkan kepentingannya kerana sebahagian besar Perundangan B merupakan pemberitahuan dan pengumuman.

Tajuk Akta Induk di bawah mana perundangan dikeluarkan dicatatkan di bahagian atas, penjurukan kanan, disertai dengan nombor siri akta. Nombor P.U. (A) pula dicatatkan di sebelah kiri diiringi dengan tahun diterbitkan. Seperti yang biasa diamalkan, tajuk di dalam Bahasa Malaysia didahulukan dan diikuti oleh tajuk di dalam Bahasa Inggeris. Ta-

rikh kuatkuasa perundangan dicatatkan di bahagian kiri di bawah tajuk. Sekiranya ada pindaan, ianya dicatatkan di penjurukan kanan seperti yang ditunjukkan dalam Contoh 7.

(b) Perundangan Negeri

Bagi perundangan negeri, cara mengindeks adalah sama melainkan nombor perundangan mempunyai sedikit perbezaan. Di peringkat Persekutuan, nombor perundangan adalah samada P.U. (A) atau P.U. (B) tetapi perundangan negeri mempunyai kod-kod tersendiri. Misalannya Negeri Sembilan, kod perundangannya ialah N.S.P.U. sementara Kelantan Kn.P.U. Contoh 8 di bawah ini adalah perundangan negeri Johor.


Contoh 7

Tajuk akta induk

Tajuk Bah. Malaysia

Tajuk Bah. Inggeris

Pindaan




Contoh 8

Tajuk akta induk

Tajuk Bah. Malaysia

Tajuk Bah. Inggeris


Pindaan




Dengan adanya indeks-indeks ini, seseorang pengguna Perpustakaan Undang-undang dapat mengesan sesuatu akta dengan lebih senang tanpa membuang masa membelek tiap-tiap akta yang telah dijilid. Di samping itu juga, pengguna Perpustakaan ini dapat

mengetahui nombor-nombor akta yang diperlui dengan mudah dan segera kerana tiap-tiap akta disusun mengikut abjad, sementara perundangan di peringkat negeri disusun mengikut negeri dan abjad.

Susunan Kad Indeks Di Dalam Laci Katalog



Indeks Perundangan Persekutuan



Indeks Perundangan Kecil